

17  
Soalan No:17

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

**TARIKH :** 21.11.2017

**SOALAN :**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu sekolah-sekolah daif di kawasan pedalaman negeri Sarawak terutamanya Bintulu; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan yang rapi untuk membantu sekolah-sekolah berasrama di kawasan luar bandar yang masih serba kekurangan dari segi prasarana dan kelengkapan sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan 50 projek pembangunan semula sekolah daif secara *Industrialized Building System* (IBS) di negeri Sarawak yang melibatkan 20 projek tahun 2016 dan 30 projek tahun 2017.

Selain itu, sebanyak 109 buah sekolah daif di Sarawak juga telah dibaik pulih menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh KPM

dan dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Antara sekolah daif yang telah dibaik pulih di parlimen Bintulu ialah sekolah SK Sg. Tisang, SK Batu 18 dan SK Tatau.

- (b) Kementerian Pendidikan Malaysia juga memberi perhatian dalam membantu sekolah-sekolah berasrama termasuk di pedalaman. Beberapa projek dirancang dan telah dilaksanakan untuk pembangunan sekolah-sekolah asrama. Terdapat Sembilan (9) buah asrama di Sarawak yang dalam proses pembangunan di bawah RMKe-10 sambungan dan RMKe-11.